

06/07/1998

Barisan perlu belajar daripada kesilapan

Sut

BARISAN Nasional (BN) gagal mempertahankan kerusi Parlimen Arau dalam pilihan raya kecil Parlimen Arau kelmarin. Kekalahan itu agak memeranjatkan. Namun demikian, Pengerusi BN Negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim dalam jawapannya kepada pertanyaan pemberita mengatakan bahawa kekalahan itu tidak bermakna Pas boleh mengekalkan kemenangan itu pada pilihan raya umum nanti. Gambaran awalnya, BN akan merampas semula kawasan itu.

Dalam pilihan raya kecil itu, calon BN, Ismail Kassim memperoleh 11,541 undi manakala calon Pas, Hashim Jasin 12,864 undi. Seperti biasa selepas sesuatu kemenangan atau sesuatu kekalahan, pihak yang terbabit mestilah membuat bedah siasat mengenai sesuatu keputusan. Shahidan mengatakan Pas menang kerana berjaya menggunakan strategi bagi menakut-nakutkan pengundi selain mengakui bahawa kekalahan BN itu juga kerana jentera pilihan raya yang kurang efisien.

Kita melihat segala yang berlaku itu adalah keputusan rakyat yang perlu kita terima dalam konteks sistem demokrasi. Ini tidak bermakna BN negeri boleh perlu menyalahkan pembangkang semata-mata tanpa mengkaji kelemahan sendiri. Jika selama ini kita mengakui rakyat tidak boleh lagi diperdaya dengan mudah, bermakna keputusan yang diambil pengundi itu tentulah setelah membuat perhitungan mendalam.

Bagi BN negeri, mereka seharusnya melihat kelemahan yang wujud sama ada dalam urusan pentadbiran dan parti manakala bagi Pas pula, mereka perlu menilai sama ada kemenangan mereka itu menguntungkan rakyat atau sebaliknya. Jika menang tetapi gagal menunaikan janji, ia adalah satu penipuan kepada rakyat. Pengundi sudah pun membuat keputusan dan memilih Pas sebagai keputusan muktamad. Soalnya, apakah mereka masih mengharapkan BN untuk menjaga kebajikan mereka? Pengundi di Arau mungkin mahukan sesuatu yang terbaik di kawasan mereka. Sama ada mereka memperolehinya atau sebaliknya daripada Pas, hanya waktu yang akan menentukannya. Itu pun bergantung apa sebenarnya yang mereka mahukan. Apa yang pasti jika selama ini pengundi mengharapkan sesuatu yang terbaik daripada BN, mereka juga tidak akan memperolehinya daripada Pas. Tidak ada orang yang memperolehi apa saja yang mereka mahukan. Bagi BN, kekalahan ini membimbangkan kerana penduduk di kawasan Arau ini bermimpi pada siang hari akibat terpengaruh atau termakan umpan yang diberikan oleh pembangkang.

Apapun alasannya sama ada diterima hati kecil kita atau tidak, sama ada hujah kita ada rasionalnya atau sebaliknya, hakikat yang tidak dapat kita tolak ialah pengundi di Arau menerima janji Pas. Selepas ini, kita mahu melihat mereka menuntut janji daripada Pas.

Meskipun begitu, BN negeri perlu juga menilai diri sendiri kerana walau apa pun alasannya, pasti ada sebabnya rakyat tidak memilih calon parti itu. Dalam satu ucapan di Alor Star beberapa bulan lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyebutkan mengenai betapa bahayanya kalau rakyat sudah naik jemu dan muak dengan Umno.

Adakah yang diucapkan oleh Perdana Menteri itu sudah terjadi dalam pilihan raya kecil Parlimen Arau ini? Adakah undi yang menyebabkan kekalahan calon BN itu sebagai tanda dan alamat rakyat terhadap Umno? Jangan lupa memerhatikan jumlah pengundi yang keluar mengundi hanya 70.28 peratus. Kalau kita perhatikan, dalam pilihan raya kecil begini, biasanya angka yang keluar mengundi seharusnya lebih besar. Kenapa hal yang seperti ini terjadi?

Kita tidak mengikuti secara terperinci pilihan raya kecil Parlimen Arau itu untuk mengambil sesuatu kesimpulan. Tentunyalah mereka yang mengikutinya dari dekat dan secara yang terperinci dapat memberikan alasan dan sebab kekalahan BN itu.

Sekiranya alasan ini tidak benar, tentulah ada alasan lain yang lebih tepat. Dalam hal ini orang Umno, yang berjuang dengan ikhlas dan penuh keinsafan perlu mencari sebab yang wajar.

Pencarian sebab dan alasan yang konkrit itu penting kerana segala perkara yang terjadi di hadapan perlu dijadikan pelajaran. Jika kita tidak mengambil iktibar daripadanya, bermakna kita tidak patuh kepada iktikad yang ada dalam diri kita untuk sama-sama memperbaiki kelemahan. Dalam usaha memberi segala kebaikan untuk rakyat, kita perlu belajar daripada kesilapan. Kita berhasrat menjadikan rakyat maju dan berjaya dalam segala bidang dengan cemerlang. Bagaimana kita boleh melakukannya jika rakyat masih mendengar janji daripada pembangkang.

Kepada yang menang kita mengucapkan tahniah dan selamat bertugas.

Dalam hal ini kita teringat satu komen mengenai tindakan yang seharusnya dilakukan oleh kerajaan Pas. Pas jangan hanya banyak berjanji tetapi tidak menunaikan apa yang dijanjikannya. Dan apabila yang dijanjikannya itu tidak dapat ditunaikan, pihak lain pula yang dipersalahkan. Begitulah setiap masa manusia harus memeriksa dirinya sendiri, kerana apapun, pada akhirnya yang benar itu tetap benar.

(END)